

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 20.05.2025 MASA: 09.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

PROGRAM LOCAL AGENDA 21 (LA21) TAHUN 2025
“WASTE TO WEALTH”

TARIKH / MASA / TEMPAT

**24 MEI 2025 (SABTU)
8.00 PAGI**

**MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai
- 2. Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Majlis Perasmian Program “Karnival Waste To Wealth”
3. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai
4. Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik
5. Pelajar-Pelajar Dan Guru-Guru
6. Rakan-Rakan Media
7. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Program Local Agenda 21 (LA21) Tahun 2025 “Waste to Wealth”**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setulusnya kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan komitmen dalam penganjuran program ini, terutamanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Syarikat GRN, Greenviro Solutions, Arus Oil, Tetra Pak, Jabatan Alam Sekitar, Persatuan Penduduk Kepala Gajah, *Upcycle* MBSP, Syarikat AECC, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP, Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW) dan Syarikat Save Soil. Penglibatan agensi kerajaan dan swasta ini amatlah dihargai kerana memperkukuh usaha kolektif dalam mendidik dan menyemai nilai-nilai kelestarian alam sekitar kepada masyarakat umum, terutamanya generasi muda.
3. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga kerja MBSP yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung serta kepada para peserta dan hadirin

sekalian yang turut serta dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya, kehadiran lebih 800 orang peserta termasuk pelajar sekolah rendah dan menengah serta guru-guru dari seluruh negeri Pulau Pinang merupakan satu indikator positif bahawa kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar semakin menebal dalam kalangan masyarakat.

4. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan kitar semula dan potensi bahan buangan sebagai sumber pendapatan. Dengan tema "*Waste to Wealth*", para peserta akan diberi pendedahan kepada pelbagai teknik kreatif dalam proses kitar semula serta peluang untuk menjana pendapatan melalui inovasi bahan terpakai. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pengurangan sisa pepejal, malah membuka ruang keusahawanan baharu yang berasaskan kelestarian.
5. Untuk makluman hadirin sekalian, Program Local Agenda 21 (LA21) Tahun 2025 ini dilaksanakan dengan kerjasama erat bersama KPKT. Kerjasama strategik ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Tempatan dalam mengurusperdanakan agenda kelestarian menerusi penglibatan aktif komuniti setempat, sejajar dengan dasar pembangunan mampan negara.
6. Saya dimaklumkan bahawa program ini turut menampilkan aktiviti bengkel TASKAL: Transformasi Sekolah ke Arah Lestari, penyertaan

pelbagai pameran interaktif, serta sesi eksplorasi yang pastinya memberi manfaat berganda kepada para peserta. Ini sejajar dengan matlamat Local Agenda 21 iaitu memperkasakan kerjasama antara Pihak Berkuasa Tempatan, komuniti dan sektor swasta dalam pelaksanaan pembangunan mampan di peringkat tempatan.

7. Usaha untuk menggalakkan amalan pengasingan sisa di punca dan pengumpulan bahan kitar semula perlu digerakkan secara berterusan agar sisa kitar semula tidak terus dibuang ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung yang kini menghadapi tekanan kapasiti. Oleh itu, pendekatan berbentuk pendidikan seperti ini amat penting bagi mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa domestik mereka.
8. Program ini juga memberi tumpuan kepada amalan pengguna bijak menerusi prinsip 8R iaitu *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle*. Prinsip ini perlu dijadikan pegangan dalam kehidupan seharian kita demi membentuk masyarakat yang lebih lestari dan peka terhadap alam sekitar.
9. Adalah menjadi harapan saya agar program Local Agenda 21 “*Waste to Wealth*” ini menjadi satu lonjakan besar kepada transformasi budaya masyarakat Seberang Perai ke arah kehidupan yang lebih hijau, mampan dan bertanggungjawab. MBSP komited dalam mendukung agenda pembangunan mampan melalui pendekatan

holistik yang menyeluruh, demi merealisasikan impian menjadikan Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.

10. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Local Agenda 21 (LA21) Tahun 2025: “Waste to Wealth”**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.